

PdP online sehingga Disember ini

Kesemua penuntut universiti awam dan IPTS diarah hadir kuliah secara online

Oleh MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

KUALA LUMPUR

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memaklumkan kesemua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melibatkan 1.3 juta mahasiswa hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember depan dan aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

KPT dalam satu kenyataan berkata, pengecualian hanya diberikan kepada lima kategori mahasiswa untuk pulang ke kampus secara berperingkat bagi melaksanakan PdP.

Menurut kementerian itu, kategori pertama ialah pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan di universiti awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) diberikan kebenaran menyambung penyelidikan dengan kadar segera.

“Kelonggaran hanya dibenarkan kepada pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal atau memerlukan peralatan khusus bagi menjalankan penyelidik-



Foto: BERNAMA

PdP hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020 dan aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

an,” menurut kenyataan itu semalam.

Selain itu, empat lagi kategori terpakluk kepada tarikh penamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti pertama, pelajar semester atau tahun akhir bagi pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda yang perlu melaksanakan kerja-kerja atau yang memerlukan peralatan khusus dibenarkan untuk melaksanakan PdP di kampus seawal 1 Julai 2020.

“Kedua, pelajar semester atau tahun akhir yang tiada akses internet. Mereka dibenarkan pulang ke kampus seawal 1 Julai 2020 dan menggunakan infrastruktur kampus bagi PdP secara dalam talian.

“Ketiga, pelajar berkeperluan khas program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di politeknik dan

kolej komuniti yang perlu mendapat bimbingan secara bersemuka dibenarkan seawal 1 Ogos 2020,” katanya.

Keempat ialah pelajar baharu sesi akademik 2020/21 di semua institut pengajian tinggi untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta ijazah sarjana muda bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf.

“Kemasukan pelajar sijil dan diploma politeknik serta kolej komuniti seawal 1 Julai 2020; pelajar asasi, sijil, diploma dan ijazah sarjana muda di IPTS seawal 1 Julai 2020; pelajar asasi dan diploma di universiti awam seawal 1 Ogos 2020 dan kemasukan pelajar ijazah sarjana muda dan pasca siswazah mod penyelidikan di universiti awam dan IPTS seawal 1 Oktober 2020,” kata kenyataan itu.

Senarai universiti awam di Malaysia

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)
8. Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
13. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14. Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)
15. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)
16. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
17. Universiti Malaysia Perlis (Unimap)
18. Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Selain itu terdapat 33 kampus politeknik dan 67 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di seluruh negara.